

Aib suami isteri sepatutnya kekal rahsia

Kuala Lumpur: Melafazkan talak secara langsung di media sosial sambil ditonton orang ramai dilihat sebagai menyalahi dua teras kehidupan iaitu khilaf daripada sudut agama dan kemiskinan moral daripada segi hukum alam.

Secara kasarnya tindakan itu dilihat menyimpang jauh daripada prinsip agama dan tatasusila masyarakat.

Pegawai Psikologi Kanan Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani berkata, ia sesuatu yang tidak wajar berlaku dan memberi impak negatif selain turut mencabar kerukunan dan keharmonian institusi kekeluargaan Islam.

“Impak daripada tindakan ini secara terang-terangan meninggalkan kesan negatif kepada mereka yang terbabit iaitu suami dan isteri di mana isu peribadi yang sewajarnya menjadi rahsia dan aib itu dipertontonkan.

“Kesan kedua, ia menjadi bahan bualan serta perbualan yang tidak sihat dalam kalangan orang luar yang menonton perkongsian itu secara langsung.

“Tindakan ini bukan sesuatu perkara yang boleh dinormalisasikan apatah lagi ia membabitkan isu moral dan agama,” katanya.

Menurutnya, perkara ini berlaku antara lain berpunca daripada beberapa faktor termasuk emosi dan mental yang tidak matang, pengurusan emosi yang lemah, kurang fahaman agama dan masalah komunikasi.

Katanya, dalam hal ini, pasangan perlu bijak dan matang menguruskan konflik dengan ilmu pengetahuan dan agama.

“Perkara paling asas adalah melakukan perbincangan bersemuka dalam suasana aman antara suami dan isteri tanpa membabitkan pihak lain.

“Sekiranya tidak menemui jalan penyelesaian, banyak saluran lain yang boleh digunakan termasuk menggunakan khidmat orang tengah, merujuk ke pejabat kadi, mendapatkan bantuan daripada pakar seperti kaunselor ber-



“Tindakan ini bukan sesuatu perkara yang boleh dinormalisasikan apatah lagi ia membabitkan isu moral dan agama”

*Siti Fatimah Abdul Ghani,
Pegawai Psikologi Kanan
Bahagian Perkhidmatan
Sumber Manusia,
Universiti Putra Malaysia
(UPM)*

tauliah atau pegawai perunding, penyelesaian menerusi kuasa Mahkamah dan kaedah hakam,” katanya.

Beliau berkata, tindakan melafazkan talak secara langsung di media sosial adalah perbuatan yang amat menyedihkan yang menjadi petunjuk seseorang itu tidak memahami erti perkahwinan secara mendalam sehingga melakukan perkara yang mengaibkan.

“Kes ini perlu dijadikan pengajaran dan peringatan kepada semua agar ia tidak dinormalisasikan menerusi pendidikan agama serta kesedaran.

“Tidak semua perkara itu perlu dijadikan bahan tontonan umum. Biasakan yang betul, betulkan yang biasa,” katanya.

Siti Fatimah berharap, kejadian ini menjadi iktibar dan tidak dinormalisasikan masyarakat di negara ini.

“Usah menjadi hamba kepada dunia sosial media yang penuh tipu daya. Jangan sesekali berkongsi masalah peribadi kepada umum terutama di media sosial kerana ia mengundang fitnah selain membuka aib sendiri,” katanya.